

BAB 7

PENUTUP: TEMUAN-TEMUAN DAN RUMUSAN

Fokus utama tesis ini ialah terhadap proses pengartikulasian isu-isu kepentingan wanita dalam sistem politik Malaysia – penelitian terhadap *NGO-NGO* wanita, khususnya *NCWO*. Persoalan pokok yang diteliti ialah peranan *NCWO* di pelbagai peringkat input politik (penerimaan tuntutan-tuntutan ke dalam sistem politik dan pemerosesan tuntutan-tuntutan berkenaan) bagi mempengaruhi proses pembuatan peraturan (polisi dan undang-undang). Selanjutnya, beberapa peranan Majlis itu di peringkat output politik (perincian perkara-perkara berkaitan penggubalan dasar dan pelaksanaannya bagi memenuhi tuntutan-tuntutan) dan pemantauannya juga diteliti sama.

Kajian ini menunjukkan bahawa *NCWO* telah berperanan penting dan berjaya memperjuang serta membela hak dan kepentingan wanita melalui kegiatan-kegiatan pengartikulasian isu yang diikuti dengan kejayaan Majlis berkenaan dalam proses pembuatan peraturan (polisi dan undang-undang), pelaksanaan polisi dan undang-undang serta pemantauannya. Selain itu, *NCWO* juga menyumbang kepada penubuhan agensi-agensi Kerajaan bagi memajukan wanita di negara ini.

7.1 Temuan (Umum): Peranan Politik *NGO* Wanita Khasnya *NCWO*

Satu penemuan utama kajian ini ialah walaupun *NGO-NGO* wanita secara eksplisitnya bukanlah badan politik, namun organisasi-organisasi ini berperanan penting di pelbagai peringkat input politik bagi mempengaruhi proses penggubalan dasar dan

akta yang berkaitan isu-isu kepentingan wanita dalam sistem politik Malaysia. Peranan yang dimaksudkan itu ialah pengidentifikasiannya isu-isu kepentingan wanita, pengetahuan dan juga perumusan isu-isu berkenaan. Peranan politik *NGO* wanita tidak terhenti di peringkat input politik itu sahaja malah berterusan dalam pelbagai peringkat pelaksanaan program sesuatu dasar dan akta serta pemantauannya.

Selain mengkhusus mengenai isu-isu kepentingan wanita (melalui kerjasama dengan *NGO-NGO* yang lain) *NGO-NGO* wanita ini juga melibatkan kegiatannya dalam isu-isu keadilan sosial yang lain seperti hak asasi manusia, pengguna dan alam sekitar. Penglibatan *NGO* wanita dalam isu-isu keadilan sosial seumpama ini semakin meningkat terutamanya mulai pertengahan tahun-tahun 1980-an. Antara lain, perkembangan ini berlaku berikutan semakin terdedah dan tersebarnya kesedaran sosial di peringkat antarabangsa kepada masyarakat dunia, khasnya melalui penyertaan beberapa orang aktivis wanita di dalam persidangan-persidangan peringkat antarabangsa berkenaan. Perkembangan teknologi, terutamanya teknologi maklumat telah mempercepatkan lagi proses penyebaran kesedaran-kesedaran sosial berkenaan.

Dengan tertubuh dan berkembangnya sebuah Majlis (*NCWO*) yang menggabungkan sebahagian besar *NGO* wanita di Malaysia, suara-suara menuntut pembelaan hak-hak wanita di negara ini dapat disatukan. Ini membawa pengertian bahawa dengan adanya ‘organisasi payung’ itu, peranan politik *NGO* wanita di pelbagai peringkat input politik yang disebut di atas semakin ‘perkasa’ dan relevan. Faktor ini sekaligus membolehkan Majlis berkenaan memiliki pelbagai sumber bagi mempengaruhi proses pengubalan dasar dan akta di negara ini serta terlibat dalam proses pelaksanaan serta pemantauannya. Melalui peranan dan sumbangan *NCWO* itu, isu-isu dan masalah-masalah berkaitan ketidakadilan, pengabaian, penganiayaan, penindasan dan amalan diskriminasi yang ditanggung oleh kebanyakan wanita di

negara ini dalam tempoh sekian lama kini telah mula mendapat pembelaan yang lebih baik.

Sebagai contoh (sebagaimana yang diperincikan dalam Bab 5), *NCWO* telah terlibat secara aktif memainkan peranan penting yang berterusan dalam proses penggubalan satu dasar yang khusus bagi melibatkan wanita dalam pembangunan negara, iaitu **Dasar Wanita Negara 1989**. Dasar ini telah dijadikan dokumen utama negara bagi memandu hala tuju rancangan dan program kemajuan wanita di Malaysia.

Bagi memastikan dasar wanita berkenaan mencapai matlamatnya, *NCWO* juga terlibat secara aktif dan berterusan di pelbagai peringkat pelaksanaan dan pemantauan dasar tersebut. Antara langkah-langkah konkrit yang diambil termasuklah menujuhan beberapa buah jawatankuasa di peringkat pelaksanaan seperti Jawatankuasa Pelan Tindakan Dasar Wanita Negara *NCWO* (1990), Jawatankuasa Penyelaras bagi Dasar Wanita Negara *NCWO* (1993) dan Jawatankuasa Pemantauan Dasar Wanita Negara *NCWO (Women Watch)* (1998). Selain itu, *NCWO* juga terlibat secara langsung dalam proses penggubalan dokumen **Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, 1996** (dokumen yang memperincikan tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi memajukan wanita di negara ini mengikut bidang dan jangka masa yang ditetapkan) dan sekaligus terlibat secara aktif di peringkat pelaksanaan Pelan Tindakan berkenaan.

Selanjutnya (sebagaimana yang diperincikan dalam Bab 6 pula), Majlis berkenaan telah berperanan penting dalam proses penggubalan **Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) 1994** dan penguatkuasaannya dalam tahun 1996. Komitmen dan kepakaran ahli-ahli gabungan *NCWO* yang tertentu dalam bidang perundangan telah banyak membantu penggubalan AKRT. Akta ini memberikan pelbagai impak terhadap kesedaran isu keganasan rumah tangga dan keganasan terhadap wanita di

Malaysia. Dengan adanya AKRT, kes keganasan rumah tangga yang dahulunya ditanggapi sebagai isu orang perseorangan kini ditangani sebagai isu masyarakat keseluruhannya.

Selain terlibat dalam proses penggubalan dasar dan akta serta pelaksanaan dan pemantauannya, *NCWO* juga berperanan/menyumbang kepada penubuhan pelbagai agensi Kerajaan bagi memajukan wanita di negara ini seperti Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, *National Advisory Council for the Integration of Women in Development (NACIWID)* dan Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA). Dengan adanya struktur-struktur ini, bukan sahaja isu-isu dan masalah-masalah wanita yang dikenalpasti di negara ini semakin mendapat perhatian serius Kerajaan bahkan terinstitusinya struktur formal yang mempunyai autoriti dan mandat khas bagi menangani isu-isu berkaitan masalah penindasan dan amalan diskriminasi yang menyebabkan wanita teraniaya itu.

7.2 Temuan (Khusus): Peranan dan Kejayaan *NCWO* dalam Mengartikulasikan Isu-isu Berkaitan Kepentingan Wanita

Kajian ini juga memperlihatkan bahawa *NCWO* berperanan penting dan berjaya mengartikulasikan hampir kesemua isu berkaitan kepentingan wanita yang menjadi keprihatinan Majlis itu di negara ini. Ini kerana sebagaimana yang disebut di atas tadi, Majlis berkenaan telah berperanan penting dan menyumbang secara langsung di pelbagai peringkat penggubalan dan pindaan dasar dan akta serta penginstitusian jentera Kerajaan bagi memajukan wanita di negara ini. Dengan adanya instrumen dan mekanisme tersebut, isu-isu dan masalah-masalah yang berkaitan dengan penganiayaan terhadap wanita semakin mendapat pembelaan yang lebih serius daripada pelbagai pihak, khasnya Kerajaan sendiri.

Secara amnya, terdapat empat faktor yang menyumbang kepada kejayaan *NCWO* mengartikulasikan isu-isu berkaitan kepentingan wanita berkenaan. Faktor-faktor itu ialah: (i) pemanfaatan saluran-saluran pengartikulasi yang ada; (ii) pendekatan bekerjasama dengan pelbagai pihak, terutamanya Kerajaan; (iii) kelebihan sumber organisasi yang dimiliki (kepimpinan, kepakaran, pengalaman, keanggotaan, kewangan dan jaringan kerja); dan (iv) dedikasi dan semangat kesukarelaan (*volunteerism*) yang tinggi.

Kajian ini menunjukkan bahawa kejayaan *NCWO* dalam mengartikulasikan isu-isu wanita di negara ini banyak dipengaruhi oleh faktor pemanfaatan saluran-saluran informal dan tradisional seperti pertalian peribadi dan perwakilan tokoh. *NCWO* tidak menggunakan saluran media massa untuk mengetengahkan isu-isu berkaitan dengan penganiayaan terhadap wanita yang menjadi ketidakpuasan hati Majlis berkenaan kepada Kerajaan¹ – media massa dimanfaatkan bagi menyokong kegiatan-kegiatan yang dianjurkan.

Saluran-saluran informal seperti pertalian peribadi di atas kerap dimanfaat bukan sahaja kerana terdapat ramai pemimpin-pemimpin *NCWO* yang mempunyai *personal contact* dengan para formulator polisi dan pemimpin politik tetapi juga membolehkan isu-isu yang berkaitan dengan masalah penganiayaan terhadap wanita yang diartikulasi oleh Majlis itu dibincang dengan pihak Kerajaan dengan lebih terbuka dan berlapang dada. Antara lain, *personal contact* ini terbentuk kerana ramai pemimpin *NCWO* yang bukan sahaja aktif menggerakkan Majlis berkenaan tetapi juga aktif dalam sayap parti-parti politik pemerintah. Pemimpin-pemimpin *NCWO* yang dimaksudkan itu termasuklah Fatimah Hashim, Aishah Ghani, Rafidah Aziz, Zaleha Ismail, Rosemary Chong, Teng Gaik Kwan, Ng Yen Yen dan Kee Phaik Cheen.

Kesemua mereka memegang jawatan tinggi dalam *NCWO* dan sayap wanita parti-parti politik pemerintah tersebut.

Selain itu, terdapat ciri-ciri istimewa antara para artikulator isu di kalangan pemimpin *NCWO* dengan formulator polisi tentang isu-isu wanita yang diartikulasikan di negara ini. Ini kerana Presiden-presiden *NCWO* seperti Fatimah Hashim (1965-1989) dan Zaleha Ismail (1989-2002) tidak sahaja berfungsi sebagai artikulator tetapi juga sebagai formulator polisi isu-isu wanita berkenaan. Kedua-dua mereka pernah memegang jawatan bertaraf Menteri yang secara langsung atau tidak langsung dipertanggungjawabkan menangani hal ehwal wanita di negara ini ketika menjadi Presiden *NCWO* tersebut.

Pemanfaatan saluran-saluran informal dan tradisional yang lain seperti saluran perwakilan tokoh atau perwakilan elit juga merupakan satu lagi faktor yang meningkatkan keberkesanan fungsi pengartikulasian berkenaan. Terdapat ramai tokoh yang mempunyai keprihatinan yang sama atau setidak-tidaknya simpati terhadap isu-isu dan masalah-masalah yang menjadi keprihatinan *NCWO*. Mereka ini termasuklah isteri-isteri pembesar, tokoh-tokoh ilmuwan dan aktivis-aktivis masyarakat tertentu. Tokoh-tokoh seumpama ini sering dilibatkan dalam kegiatan pengartikulasian *NCWO*, baik di peringkat pengidentifikasiannya, pengetengahannya maupun perumusan isu berkenaan. Sebagai contoh, keprihatinan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali (isteri Perdana Menteri Keempat), Profesor Ahmad Ibrahim (ilmuwan bidang undang-undang Islam) dan Nik Safiah Karim (aktivis wanita) terhadap isu-isu yang juga menjadi keprihatinan *NCWO* adalah sumber penting yang kerap dimanfaatkan oleh Majlis itu bagi meningkatkan keberkesanan pengartikulasian Majlis berkenaan.

Kesediaan dan kesudian tokoh-tokoh seumpama ini menyertai kegiatan-kegiatan anjuran *NCWO* seperti persidangan-persidangan, bengkel-bengkel, majlis sambutan Hari Wanita, penyediaan memorandum dan mesyuarat-mesyuarat di pelbagai peringkat jawatankuasa Majlis tersebut (sama ada sebagai perasmian, pembincangan, peserta mahupun sekadar ahli) sekaligus meningkatkan reputasi Majlis berkenaan dalam masyarakat. Penyertaan tokoh-tokoh seumpama ini sekaligus juga menunjukkan isu-isu yang diartikulasi oleh *NCWO* bukanlah isu-isu yang sempit dan ringan kerana isu-isu berkenaan juga menjadi keprihatinan pihak-pihak yang lain.

Faktor selanjutnya yang menyumbang kepada kejayaan *NCWO* berkenaan ialah penggunaan pendekatan bekerjasama Majlis itu dengan pihak-pihak yang lain, terutamanya Kerajaan dalam memastikan wanita di negara ini mendapat pembelaan yang sewajarnya. Kerjasama *NCWO* dengan pelbagai pihak ini terjalin di pelbagai peringkat input dan output politik. Sebagai contoh, kebanyakan langkah-langkah pengidentifikasiisan isu dan pengetengahannya melibatkan kerjasama *NCWO* dengan pelbagai pihak seperti institusi-institusi pengajian tinggi, sektor swasta, yayasan-yayasan (penderma), Kerajaan dan pihak-pihak lain dalam menjalankan kegiatan-kegiatan penyelidikan dan menganjurkan persidangan, seminar serta bengkel. Melalui pendekatan bekerjasama seumpama ini, bukan sahaja input berguna daripada pelbagai pihak dapat disatukan sebelum disuarakan bahkan dengan adanya penglibatan wakil-wakil Kerajaan secara langsung atau tidak langsung dalam kerjasama di peringkat input politik itu, kebarangkalian tuntutan berkaitan isu-isu berkenaan diterima dengan mudah adalah tinggi.

Kelebihan dan keistimewaan pelbagai sumber yang dimiliki Majlis itu sendiri (kepimpinan, kepakaran, pengalaman, keanggotaan, kewangan dan jaringan kerja yang dinyatakan di atas tadi) secara langsung atau tidak langsung juga menjadi faktor yang

menyumbang kepada kejayaan *NCWO* mengartikulasikan isu-isu wanita di negara ini. Kelebihan dan keistimewaan itu telah menyebabkan pelbagai pihak (termasuk Kerajaan) memerlukan peranan/sumbangannya Majlis itu dalam membantu menangani isu-isu wanita di negara ini. Sebagai contoh, Kerajaan kerap mendapatkan kepakaran *NCWO* (khasnya melalui ahli gabungannya yang tertentu seperti *Association of Women Lawyers – AWL*) dalam bidang perundang-undangan yang melibatkan wanita sebelum sesuatu isu itu dirumus dan penggubalan undang-undang mengenainya dilakukan. Sumber kepakaran *NCWO* berkenaan menjadikan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Majlis itu *legitimate* – lebih-lebih lagi Majlis berkenaan diiktiraf sebagai *representative* (keanggotaannya bukan sahaja banyak tetapi juga rentas politik, etnik serta agama).

Keperluan Kerajaan terhadap sumbangan dan peranan *NCWO* semakin jelas apabila ramai pemimpin Majlis berkenaan (yang mempunyai kepakaran yang tinggi dan pengalaman yang luas) dilantik mengisi beberapa jawatan dalam agensi-agensi Kerajaan (bagi penggal-penggal tertentu), terutamanya *NACIWID*. Mereka yang dimaksudkan termasuklah Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabuddin, Fatimah Hamid Don, F.R. Bhupalan dan Ramani Gurusamy. Dengan keanggotaan rasmi mereka ke dalam badan-badan formal Kerajaan seperti *NACIWID* berkenaan, isu-isu yang menjadi keprihatinan *NCWO* akan lebih mudah diartikulasi dan seterusnya dirumus dalam proses-proses politik selanjutnya.

Selain itu juga, kajian ini menjelaskan bahawa kejayaan *NCWO* sangat ditentukan oleh adanya faktor dedikasi yang tinggi dan semangat kesukarelaan yang kuat di kalangan ahli-ahli Majlis berkenaan. Faktor dedikasi dan semangat kesukarelaan ini akan dapat dilihat dengan jelas jika dinilai dari segi kegigihan mereka yang aktif dan tidak putus-putus menyuarakan pelbagai isu dan masalah dalam tempoh

yang panjang. Dalam tempoh kira-kira 15 tahun (1980-1995), pelbagai langkah konkret telah diambil mengenai pelbagai isu seperti ekonomi dan pekerjaan, kesihatan, pendidikan, perundang-undangan, politik dan pentadbiran serta isu-isu keganasan terhadap wanita yang lain.

Langkah-langkah konkret yang perlu dilakukan oleh ahli-ahli *NCWO* bagi mengartikulasikan isu-isu berkenaan secara berkesan bukan sahaja banyak dan memerlukan pengorbanan masa yang panjang tetapi juga perlu mendapatkan kerjasama, pandangan dan persetujuan pihak-pihak lain. Langkah-langkah yang dimaksudkan ini termasuklah semua langkah-langkah utama di peringkat pengenalpastian isu (seperti penyelidikan dan perbincangan-perbincangan serius), pengetengahan isu (seperti penganjuran seminar, penyediaan memorandum serta penyerahannya) dan perumusan isu (seperti penggubalan draf polisi dan pembaikannya). Ertinya, peranan-peranan di atas tidak akan dapat disempurnakan tanpa dedikasi yang tinggi dan semangat kesukarelaan yang kuat di kalangan ahli-ahli *NCWO* – lebih-lebih lagi rata-rata mereka juga mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab yang lain seperti dalam kerjaya dan rumah tangga serta bidang-bidang yang lain.

7.3 Rumusan: *NGO* Wanita dalam Sistem Politik Malaysia yang Secara Relatifnya Mengamalkan Demokrasi

Sistem politik demokrasi ialah satu sistem yang mempunyai darjah *responsiveness* yang tinggi. Sesebuah Kerajaan dalam sistem politik demokrasi akan bertindak balas secara positif terhadap tuntutan-tuntutan masyarakat dengan antara lain menggubal polisi dan undang-undang atau menyediakan barang dan perkhidmatan bagi memenuhi tuntutan-tuntutan berkenaan.² Antara lain, ciri-ciri sesebuah sistem politik

demokrasi yang responsif itu ialah penglibatan *NGO* secara aktif bagi mempengaruhi pembuatan dasar dalam sistem politik tersebut.

Kajian ini memperlihatkan bahawa sistem politik Malaysia responsif terhadap tuntutan-tuntutan yang diartikulasikan oleh *NGO-NGO* wanita, khususnya *NCWO*. Terdapat pelbagai tuntutan *NCWO* dalam proses input politik tersalur ke dalam sistem politik untuk diproses menjadi output politik. Ini termasuklah tuntutan penggubalan dasar dan akta bagi memberi perlindungan ke atas wanita yang teraniaya di negara ini dan tuntutan-tuntutan agar suatu agensi khas diinstitusikan bagi menangani masalah penganiayaan berkenaan.

Walaupun sesetengah isu yang diartikulasikan seperti isu keganasan rumah tangga perlu menunggu tempoh yang lama untuk mendapat perhatian *legal* Kerajaan di peringkat pelaksanaannya (kira-kira 15 tahun lamanya), ini tidaklah membawa pengertian bahawa sistem politik Malaysia tidak responsif dan mengabaikan atau melengah-lengahkan tuntutan-tuntutan bagi mengatasi masalah keganasan rumah tangga berkenaan (secara perundangan). Dari satu segi, tertangguhnya perhatian *legal* Kerajaan di peringkat pelaksanaan akta tersebut (kira-kira 15 tahun itu) juga disebabkan oleh proses dan prosedur yang perlu dilalui dalam sistem demokrasi itu sendiri. Dalam sesebuah sistem politik demokrasi, sebelum sesuatu polisi berkenaan tuntutan satu-satu kumpulan diputuskan, sistem itu juga perlu mengambil kira pandangan-pandangan atau tuntutan-tuntutan yang diartikulasikan oleh kumpulan-kumpulan yang lain.

Berkaitan perbincangan mengenai mengapa sesebuah sistem politik demokrasi mengambil masa yang panjang bagi memutuskan sesuatu polisi, Hendrik van Dalen dan L. Harmon Ziegler (1977: 242) ada menghuraikan seperti berikut:

...Decision-making takes longer in a democracy than in a dictatorship. Democratic political institutions incorporate a balance of power; power is dispersed among branches of government, and the diverse views of many segments of the population are represented, frequently by individuals wielding decisive power at various crucial points in the structure of political decision-making. This ensures that a number of viewpoints will be aired, compromises struck, and [therefore] much time consumed...

Selain perlu memenuhi tuntutan-tuntutan masyarakat, sesebuah sistem politik demokrasi perlu mendapatkan dukungan rakyat bagi membolehkan sistem itu terus responsif dan stabil. Perbincangan tentang keperluan tuntutan dan dukungan bagi membolehkan sesebuah sistem politik itu berlangsung diuraikan oleh David Easton (1957: 390) seperti berikut:

Inputs of demands are not enough to keep a political system operating. They are only the raw material out of which finished products called decisions are manufactured. Energy in the form of actions or orientations [input of supports] promoting and resisting a political system, the demands arising in it, and the decisions issuing from it must also be put into the system to keep it running.

Dukungan-dukungan politik yang dimaksudkan itu antara lain ialah dukungan berbentuk sumber-sumber politik bagi membantu pemimpin-pemimpin dan kumpulan-kumpulan politik yang terlibat dalam proses pembuatan peraturan (polisi dan undang-undang) dan dukungan dari segi kesediaan masyarakat mematuhi peraturan-peraturan yang terdapat dalam sistem politik berkenaan (Almond dan Powell, Jr., 1978: 11).

Kajian ini juga menjelaskan bahawa selain membuat tuntutan-tuntutan tentang isu-isu yang menjadi keprihatinan mereka, *NGO-NGO* wanita khasnya *NCWO* juga mendukung sistem politik yang ada dengan antara lain menyalurkan pelbagai sumber politik yang dimiliki *NGO-NGO* tersebut ke dalam sistem politik. Sebagai sebuah Majlis yang memayungi sejumlah besar *NGO* wanita yang ada di Malaysia, *NCWO*

mempunyai pelbagai sumber bagi mendukung sistem politik, terutamanya kepakaran dalam bidang-bidang tertentu, pengalaman dan juga kepimpinan. Kesediaan Majlis itu mengadakan kerjasama di pelbagai peringkat politik (input dan output) telah membolehkan sumber-sumber politik tersebut dimanfaatkan dengan lebih lancar dan berkesan. Faktor-faktor ini dan beberapa faktor yang dibincangkan di atas tadi telah menyumbang kepada kestabilan sistem politik Malaysia dan berterusannya *responsiveness* sistem politik tersebut.

Bagi membolehkan *NGO-NGO* wanita khasnya *NCWO* terus beroperasi dalam sistem politik Malaysia dengan lebih berkesan, beberapa langkah konkrit boleh diambil oleh *NGO* dan Kerajaan. Langkah-langkah ini perlu untuk memastikan sistem politik Malaysia terus stabil dan responsif terhadap pelbagai tuntutan masyarakat dan sekaligus mendapat dukungan yang kuat daripada masyarakat berkenaan. Antara lain, langkah-langkah yang dimaksudkan itu termasuklah yang berkaitan dengan hubungan *NGO-Kerajaan*, kerjasama *NGO* dengan pihak-pihak lain dan kepekaan *NGO* terhadap tuntutan-tuntutan masyarakat serta kepekaan Kerajaan terhadap keperluan-keperluan *NGO*.

Bagi memastikan sistem politik yang ada terus stabil dan responsif misalnya, Kerajaan dan *NGO* boleh mengambil langkah memastikan hubungan kooperatif yang sedia terjalin ditingkatkan untuk membolehkan polisi-polisi dan undang-undang yang diperlukan tergubal dan lebih banyak program-program berkaitan kemajuan wanita di negara ini diadakan. Ini kerana, selain sumber-sumber yang dimiliki oleh kedua-dua pihak (*NGO* dan Kerajaan), hubungan kooperatif itu sendiri merupakan antara sumber politik terpenting bagi memastikan sesuatu isu dan masalah dikenalpasti, diketengah dan dirumus dengan efektif.

Di Malaysia, keperluan menjalin hubungan kooperatif atau menggunakan pendekatan bekerjasama bagi menangani sesuatu isu merupakan sebahagian daripada budaya politik. Kebiasaannya, di Malaysia hubungan berkonfrontasi hanya akan menambah kesulitan isu-isu dan masalah-masalah yang hendak ditangani. Selain itu, dengan meningkatkan hubungan kooperatif berkenaan, langkah-langkah melaksanakan program dan polisi secara kolaboratif (usaha-sama) juga dapat diambil – dengan itu sumber-sumber yang dimiliki oleh kedua-dua pihak (*NGO* dan Kerajaan) tidak terbazir.

Selanjutnya, melihatkan kejayaan *NCWO* banyak bergantung kepada kerjasama Majlis itu dengan pihak-pihak lain selain Kerajaan (parti-parti politik, sektor swasta, institusi penderma, institusi penyelidikan, organisasi media, *NGO-NGO* lain serta individu-individu tertentu) di pelbagai peringkat, langkah-langkah bagi meningkatkan lagi jalinan dan jaringan kerja seumpama ini wajar dilakukan. Ini antara lain bertujuan agar pelbagai pandangan dan tuntutan dari pihak-pihak lain itu diambil kira sebelum sesuatu langkah bagi mengangani isu-isu yang diartikulasikan oleh *NCWO* mendapat perhatian politik Kerajaan yang sekaligus juga dapat memastikan amalan demokrasi di negara ini terus berlangsung.

Selain itu, setiap satu pihak yang dinyatakan di atas tadi mempunyai sumber-sumbernya tersendiri yang dapat membantu ‘memperkasa’ lagi tuntutan-tuntutan yang diartikulasikan oleh *NCWO* di dalam sistem politik Malaysia. Sebagai contoh, sumber-sumber yang dimiliki oleh institusi penderma (kewangan) dan institusi penyelidikan (idea dan maklumat) dapat dimanfaatkan oleh *NCWO* bagi membantu Majlis berkenaan mengadakan langkah-langkah pengidentifikasiisan isu dengan lebih lancar dan saintifik – organisasi media (jangkauan khalayak yang luas) dan parti politik pemerintah pula (kuasa) dapat dimanfaatkan Majlis tersebut untuk

mendapatkan sokongan terhadap aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dan mengetengah serta merumus isu dengan lebih berkesan lagi.

Bagi membolehkan *NGO-NGO* wanita khasnya *NCWO* terus beroperasi dalam sistem politik Malaysia dengan lebih lancar dan berkesan lagi, kedua-dua pihak – *NGO* dan Kerajaan – haruslah peka terhadap persekitaran politik masing-masing. *NCWO* misalnya, haruslah lebih peka terhadap tuntutan-tuntutan baharu masyarakat yang timbul daripada pelbagai pengaruh dan kesedaran lain. Bagi maksud ini, bilangan dan kualiti pelbagai kegiatan yang dianjurkan oleh Majlis berkenaan (seperti penyelidikan, seminar dan bengkel) haruslah dari semasa ke semasa ditingkatkan. Bagi penganjuran aktiviti-aktiviti seumpama ini, selain bekerjasama dengan pihak-pihak yang disebut di atas, kerjasama dengan kumpulan-kumpulan yang berbeza pandangan – sama ada di dalam maupun di luar negeri – juga perlu ditingkatkan bagi membolehkan isu-isu baharu yang menjadi keprihatinan masyarakat, khasnya wanita, juga mendapat perhatian serius dan keprihatinan Majlis berkenaan.

Kerajaan juga perlu mengambil beberapa langkah, misalnya menimbang beberapa keperluan Majlis tersebut di samping terus memberi perhatian yang serius terhadap isu-isu yang diartikulasikan oleh Majlis itu. Ini termasuklah keperluan menambah peruntukan kewangan bagi melancarkan kegiatan-kegiatan *NCWO* (penyelidikan, seminar, penerbitan dan pelaksanaan program). Selain itu, memandangkan semakin banyak isu-isu dan masalah-masalah wanita di negara ini dikenalpasti dan timbul, ruang, peluang dan saluran bagi membolehkan *NCWO* terus beroperasi harus diperluas dan diperbanyak lagi. Selain itu, dukungan daripada masyarakat termasuk *NCWO* juga perlu ditingkatkan bagi membolehkan sistem politik Malaysia terus stabil dan responsif, yang sekaligus membolehkan *NCWO* terus beroperasi.

¹ Daripada wawancara yang diadakan dengan pemimpin-pemimpin tertinggi *NCWO* seperti Fatimah Hamid Don, F.R. Bhupalan dan Ramani Gurusamy, dapat dirumuskan bahawa kedua-dua saluran di atas – pertalian peribadi dan perwakilan tokoh – merupakan saluran atau kaedah utama bagi *NCWO* mengetengah isu-isu berkenaan untuk mendapatkan perhatian Kerajaan bagi tindakan-tindakan lanjut yang sewajarnya. Menurut pemimpin-pemimpin berkenaan, *NCWO* tidak mengguna media massa bagi mengetengah isu-isu ketidakadilan sosial dan diskriminasi terhadap wanita kerana berpandangan kaedah sedemikian hanya akan menjadikan isu-isu yang hendak diartikulasi itu semakin kontroversi. Penggunaan saluran-saluran lain seperti demonstrasi bukan sahaja menjadikan isu-isu itu lebih kontroversi tetapi juga akan semakin menyukarkan pihak *NCWO* mendapatkan perhatian dan sokongan Kerajaan terhadap isu berkenaan.

² David Easton (1957: 383-400) ada mengemukakan enam jenis tuntutan (*demand*) yang biasanya dibuat oleh masyarakat dalam sesebuah sistem politik, iaitu: (i) *demands for distribution of goods and services*; (ii) *demands for the regulation of behaviour* (iii) *demands for greater or lesser taxation and for other forms of resource extraction*; (iv) *demands for communication of information*; (v) *demands for participation in the political process or for greater equity of representation for social groups*; dan (vi) *demands for stability and order*.